

## ABSTRAK

Kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengukur dan memastikan penerimaan, kesedaran dan penglibatan pelajar terhadap pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) di samping mengukur keberkesanan media elektronik dalam aplikasi multimedia. Pemboleh ubah yang digunakan ialah tahap dan bidang pengajian atau fakulti, gender, etnik dan umur.

Tahap keprihatinan akan dilihat dari sudut kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap aplikasi ini dan ia diukur melalui analisis data menggunakan borang soal selidik. Tahap keprihatinan pelajar telah dinilai berdasarkan sikap, kemahiran dan asas pengetahuan yang ada pada diri mereka. Cara ini menghasilkan jawapan kepada pernyataan masalah yang terdapat dalam kajian.

Informan kajian merupakan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari 10 buah universiti tempatan. Universiti tersebut ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Jumlah pelajar yang dijadikan responden ialah 1200 pelajar dengan jumlah pecahan setiap universiti iaitu 200 pelajar di UM, 125 pelajar di UKM, 125 pelajar di UPM, 125 pelajar di UIAM, 125 pelajar di UiTM, 100 pelajar di USM, 100 pelajar di UUM, 100 pelajar di UTM, 100 pelajar di UMS dan 100 pelajar di UNIMAS.

Berdasarkan analisis kajian, dapatan telah dirumus sebagai jawapan yang positif dan negatif. Jawapan yang positif akan dijadikan bahan rujukan untuk membangunkan negara dan dijadikan kajian lanjut oleh penyelidik. Manakala jawapan yang negatif akan dibuat penambahbaikan untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam

kajian. Justeru, kajian sebegini penting dilakukan kerana ia dapat menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*ICT*) dalam negara. Semoga diharapkan perkembangan ini akan meletakkan Malaysia terkedepan dalam pembangunan teknologi.

## ABSTRACT

The study aims at measuring and determining student acceptance and awareness of, and involvement in the implementation of the Multimedia Super Corridor (MSC) project. It also seeks to determine the affectiveness of the electronic media in implementing applications of multimedia. The respondent variables such as level and area of study, faculty, gender, ethnicity and age are also included and commented on in the study.

The level of awareness will be looked at in terms of students' understanding and acceptance of multimedia applications. This will be measured by analyzing data elicited through questionnaire. This level of awareness was assessed based on attitude, skills and basic knowledge that the students possess. This forms the basis for answering the research problem raised in the study.

The informants are students from ten local universities such as Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), and Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

The respondents comprise 1200 students with divisions to each university; 200 students from UM, 125 from UKM, 125 from UPM, 125 from UIAM, 125 from UiTM, 100 from USM, 100 from UUM, 100 from UTM, 100 from UMS and 100 students from UNIMAS respectively.

Based on the analysis of the data collected, feedback from the informant was categorised as positive or negative. The positive feedback will hopefully be used as reference for the development of the nation and for future research. The negative feedback will be used as a basis for improving the weaknesses identified in the project. This study is significant such that it may contribute to the development of *ICT* in the

country and it is hoped that it will help to put Malaysia at the forefront of technological development.